

06/02/2000

Tok dalang benggali putih, etongnya sawo matang...

Tajuddin Saman

KEJADIAN manusia dilengkapi pelbagai perasaan. Antaranya suka dan benci silih berganti menguasai insan.

Umpamanya, hampir setiap insan gemar makanan manis dan bencikan yang pahit. Kita gemarkan gula, tetapi benci peria. Menjadi lumrah kehidupan cantik manis dipuja; hodoh pahit dihina, tetapi tidak semua manis itu berguna, sebaliknya hampir semua yang pahit menjadi ubat dan penawar.

Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata budaya menyemai perasaan benci terhadap orang tertentu akan menghancurkan masyarakat, maka asas kebencian itu tentulah berpunca daripada `kepahitan' bahan berkhasiat yang diberikannya mengandungi kebaikan untuk menyembuhkan kelemahan masyarakat itu sendiri.

Suka atau tidak, orang yang dihasut supaya masyarakat membencinya itu terpaksa melaksanakan tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara. Sama ada tindakannya popular atau tidak, juga tidak penting, tetapi ia dilakukan untuk kepentingan semua. Jika ia tidak berteraskan kebenaran, kita tidak perlu bimbang kerana setiap insan bertanggungjawab menjawab soalan Ilahi di akhirat kelak.

Mungkin hari ini orang tidak dapat mengecap `kemanisan' dalam kepahitan tindakannya. Justeru, perjuangan tetap diteruskan sekalipun ia tidak dapat dinilai dengan positif oleh sesetengah orang. Bagi yang suka menanggung di air keruh, keadaan ini dijadikan peluang untuk memanipulasikan keadaan sebenar. Lantas mereka menyemai perasaan benci masyarakat terhadap pihak berkenaan.

"Semangat benci yang disemai pihak tertentu ke dalam jiwa anak di tadika hingga ke peringkat universiti menyebabkan anggota masyarakat kita tidak boleh berfikir sendiri. Di tadika, mereka dididik membenci orang tertentu, disuruh meludah dan memijak gambar orang tertentu dan ini melekat sampai ke universiti, mereka dihasut semula membenci pihak tertentu," kata Dr Mahathir.

Di sebuah kampung di utara, anak saudara saya, Zawiyah Chin menceritakan kisah kebencian ini. Beberapa hari sebelum pilihan raya lalu, seorang pemuda menyelimutkan tubuhnya dengan bendera parti politik mengangkat kaki lalu menunjukkan tapaknya kepada seorang pemimpin dalam sebuah kereta yang lalu di kampung itu. Pemimpin itu sebaliknya melambaikan tangan sambil tersenyum kepada pemuda yang biadab itu.

Zawiyah berkata, beberapa hari kemudian, pemuda itu terbabit dalam kemalangan dan kakinya patah. Kisah benar ini berlaku tanpa pengetahuan pemimpin itu sampai sekarang. Apa hikmah di sebaliknya, hanya Allah Maha Mengetahui.

Kalau dikaji, budaya bencikan orang tertentu hanya timbul sekitar akhir 90-an. Sebelum itu, budaya ini tidak wujud seketara sekarang. Anehnya, sesudah 40 tahun merdeka, perasaan membenci tokoh sebangsa seagama disemai dengan rakus. Semakin hari, ia merebak. Kawan rakan mula bertelingkah. Adik kakak berpecah belah dan keluarga yang dulunya damai, kini bercerai rongkai. Alasan kepada perpecahan ini ialah kerana tiada kesefahaman akidah. Agama yang dulu menjadi pendorong kuat penyatuan ummah, kini menjadi alat perpecahan. Apakah ini ajaran Islam?

Bukankah Islam itu agama paling lengkap dan indah di muka bumi? Bukankah Islam menyeru kepada perpaduan, silaturahim? Bukankah Islam mengajak ummah bertakwa kepada Allah melalui sebaik-baik dakwah? Kalau timbul sesuatu perselisihan, apakah Islam menyuruh kita benci membenci?

Dulu Inggeris, Belanda, Portugis gagal menggunakan Islam untuk meranapkan perjuangan bangsa Melayu tetapi kini orang sebangsa seagama nampak boleh mewujudkan situasi ketidaktentuan dalam keluarga, masyarakat dan bangsa beralaskan agama.

Jika penjajah dulu mengikat kita secara fizikal, kini mereka tidak perlu lagi berbuat demikian. Penjajah kini cuma perlu menjadi tok dalang - menarik tali, mengatur dan memantau langkah si etong dari jarak jauh. Maka si etong negara merdeka ini pun berlegar cergas melaungkan lirik penjajah dan kita sekeluarga pun bertengkarlah hingga bercerai roncok. Anak renggang dengan bapa, kakak bencikan adik, anak saudara tidak mahu menziarahi ibu saudara. Bila benci membenci bermaharajalela, tok dalang yang serupa 'benggali putih' pada 1511 dulu pun, tersenyumlah.

Satu punca kegagalan penjajah mengeksploitasi isu agama dulu kerana bangsa kita bencikan penjajahan. Sebaliknya, kita teguh bersatu dalam kesatuan bangsa dan agama, tetapi sekarang penjajah hampir mampu menggugat kesatuan kita kerana mereka belajar daripada sejarah. Kini mereka berperanan sebagai tok dalang manakala lakonan sebenar digayakan etong tempatan sekulit dengan kita.

Mereka bukan saja mengeksploitasi isu agama, tetapi emosi dan kejahilan generasi muda terhadap sejarah. Sejarah diwarwarkan tidak penting sekalipun penjajah mengatur strategi berpandukan sejarah. Lihat betapa sejarah Islam mencatatkan bagaimana strategi kerajaan Abbasiah menyemai perasaan benci terhadap pemimpin Umayyah untuk menumbangkannya.

Perasaan benci dibina agar penyokong Abbasiah marah kepada Umayyah. Kerajaan Umayyah dikatakan bukan Ahl al-Bayt. Penekanan dan layanan tidak sama terhadap Mawali (bukan Arab) menimbulkan kemarahan dan kebencian Mawali terhadap Umayyah. Justeru, apabila gerakan Abbasiah muncul untuk menjatuhkan Umayyah dan mengembalikan jawatan khalifah kepada Ahl al-Bayt, gerakan itu mendapat sokongan Mawali yang memang menaruh perasaan dendam terhadap golongan Umayyah. Selain itu, gerakan Abbasiah juga menimbulkan sentimen taksub kepada suku antara puak Yamaniyah dengan Nizariyah. Ini membawa kelemahan kerajaan Umayyah. Semangat taksub menjadi senjata kepada gerakan menjatuhkan sesama khalifah Islam. Tidak dinafikan strategi Abbasiah ini digunakan semula oleh kalangan tertentu sekarang.

(END)